

26/07/2002

Komnas twenty20 rapat jurang IT warga bandar, desa

Hizral Tazzif Hisham

MALAYSIA menghasilkan komputer peribadi (PC) berasaskan sistem operasi Linux yang dikenali sebagai Komputer Nasional (Komnas twenty20) untuk meningkatkan tahap celik IT sekali gus mengurangkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar di negara ini.

Komnas twenty20 yang menggunakan kepakaran tempatan dihasilkan selaras dengan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita).

Ciri menarik Komnas twenty20 yang dihasilkan oleh DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DH InfoTech) ini ialah ia menyediakan sambungan Internet, aplikasi menggunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, harga berpatutan, skim pinjaman pembelian dan pemasaran.

Antara yang disediakan ialah aplikasi rumah mengandungi resipi, foto, pemain CD audio, muzik, games, paint dan video; aplikasi pejabat menyediakan pemprosesan perkataan, helaian elektronik, persembahan dan pengurusan dan aplikasi komunikasi merangkumi nombor dail, buku telefon dan buku alamat.

Selain itu, terdapat juga aplikasi mel elektronik, Internet, utiliti, simpanan dan bantuan untuk pengguna.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata komputer buatan Malaysia itu mempunyai ciri mesra pengguna serta mudah difahami kerana menyediakan pilihan sama ada hendak menggunakan Bahasa Melayu atau Inggeris.

"Komnas twenty20 menggunakan sistem sumber terbuka (open source) bagi sistem operasi dan aplikasi tanpa perlu membayar yuran pelesenan yang tinggi untuk vendor perisian komputer antarabangsa," katanya di Kuala Lumpur, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada pelancaran Komnas twenty20 disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi DH InfoTech, Datuk Yatina Yahaya.

Spesifikasi yang disediakan ialah 1GHz Intel Celeron, 128 MB RAM, 20GB cakera keras, 56.6 K modem, pemacu cakera padat berkelajuan 52, 15 inci monitor warna, cakera liut 1.44 MB dengan harga RM1,899.

Menurut Saleh, bagi menggalakkan pembelian komputer peribadi tempatan DH InfoTech sudah menjalinkan kerjasama dengan Bank Simpanan Nasional dan EON Finance yang menawarkan kemudahan kaedah bayaran rendah iaitu kurang RM50 sebulan bagi tempoh lima tahun.

"Badan induk koperasi di Malaysia iaitu Angkasa juga bersetuju menyediakan kemudahan potongan gaji kepada ahlinya disamping skim khas yang akan disediakan untuk kakitangan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, DH InfoTech juga akan menyediakan pusat tempahan setempat, pusat jualan yang dikendalikan koperasi dan kedai komputer tertentu bagi menyediakan rangkaian pemasaran di seluruh negara.

"Kemudahan tambahan ialah pusat panggilan yang menyediakan khidmat bantuan menerusi telefon untuk khidmat teknikal dan pertanyaan," katanya.